

**PEMBERITAHUAN PERTANYAAN DEWAN RAKYAT
MESYUARAT PERTAMA, PENGGAL KEDUA
PARLIMEN KEEMPAT BELAS**

PERTANYAAN : LISAN

**DARIPADA : PUAN MARIA CHIN BINTI ABDULLAH
[PETALING JAYA]**

TARIKH : 20 MAC 2019 (RABU)

SOALAN NO. 57

Minta **MENTERI KESIHATAN** menyatakan langkah Kementerian untuk meningkatkan penguatkuasaan undang-undang untuk memantau serta mencegah perkhidmatan rumah penjagaan paliatif yang tidak sah serta tidak terurus memandangkan perkhidmatan ini semakin berleluasa.

JAWAPAN

Yang di-Pertua,

Kementerian Kesihatan Malaysia (Kementerian) mengawal dan mengawalselia kemudahan rumah penjagaan paliatif swasta dengan melesenkannya sebagai hospis swasta selaras dengan ketetapan Akta Kemudahan dan Perkhidmatan Jagaan Kesihatan Swasta 1998 [Akta 586] dan Peraturan-Peraturan Kemudahan dan Perkhidmatan Jagaan Kesihatan Swasta (Hospital Swasta dan Kemudahan Jagaan Kesihatan Swasta Lain) 2006 [P.U. (A) 138/2006].

Bagi mencegah perkhidmatan rumah penjagaan paliatif yang tidak sah serta tidak terurus, Kementerian boleh mengambil tindakan penguatkuasaan selaras dengan keperluan di bawah Seksyen 3(i) dan 5, Akta 586 dan peruntukan di bawah Bahagian XXVIII, P.U. (A) 138/2006.

Merujuk kepada Seksyen 3(i) dan 5, Akta 586, adalah menjadi kesalahan bagi mana-mana pihak menubuhkan atau menyenggarakan dan/atau menyediakan atau mengendalikan hospis swasta tanpa kelulusan dan/atau lesen daripada Kementerian Kesihatan Malaysia.

Sekiranya mana-mana pihak melanggar Seksyen 3(i), Akta 586, mereka boleh diambil tindakan mahkamah dan dikenakan denda sehingga RM300,000.00 atau 6 tahun penjara atau kedua-duanya sekali dan bagi pertubuhan perbadanan atau pertubuhan pula boleh didenda sehingga RM500,000.00.

Bagi premis yang berlesen tetapi tidak menyediakan perkhidmatan dengan baik dan melanggar Akta 586 dan peraturan-peraturannya dimana berkaitan juga boleh dikompaun.

Pada masa ini, pegawai-pegawai daripada Cawangan Kawalan Amalan Perubatan Swasta (CKAPS) Ibu Pejabat dan Jabatan Kesihatan Negeri/ Wilayah Persekutuan menjalankan pemantauan dari semasa ke semasa bagi memastikan tiada pelanggaran terhadap Akta 586 dan

peraturan-peraturannya. Kementerian juga bertindak atas aduan mana-mana pihak mengenai kewujudan premis yang tidak berlesen dengan Kementerian.

Setakat tarikh ini, semakan rekod Kementerian mendapati tiada aduan yang diterima berkaitan dengan isu hospis swasta yang tidak berlesen atau tidak terurus.

Pihak Kementerian sedang meningkatkan usaha untuk memberi kefahaman kepada pengusaha dan orang ramai berkaitan keperluan perlesenan kepada pengusaha-pengusaha hospis swasta. Kementerian berharap orang awam yang ingin memasuki sesebuah hospis swasta, menyemak status lesen premis tersebut di laman sesawang Kementerian terlebih dahulu ataupun meneliti Lesen premis yang perlu dipamerkan di premis tersebut, sebelum bersetuju untuk menggunakan khidmat mana-mana premis.

Keselamatan rakyat sentiasa menjadi keutamaan Kementerian. Oleh itu, Kementerian amat berharap supaya kerjasama erat antara rakyat dan Kementerian dapat dipertingkatkan dalam usaha mengenalpasti hospis swasta yang tidak berlesen atau tidak terurus. Aduan dan maklumat seterusnya boleh dikemukakan kepada Kementerian untuk tindakan sewajarnya. Sekiranya orang awam mempunyai apa-apa maklumat atau aduan berkaitan kemudahan hospis swasta yang tidak sah atau tidak terurus, aduan tersebut boleh dipanjangkan kepada Bahagian Amalan Perubatan melalui ckaps.aduan@moh.gov.my. Kementerian akan mengambil tindakan penguatkuasaan, dengan mengambil kira bahawa aspek keselamatan, kebijikan dan kesinambungan rawatan pesakit dapat dipastikan.

Sekian, terima kasih.